

Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah

Volume 21 No. 2 (2025)

ISSN: 1823-4356 | e-ISSN: 2637-0328

Homepage: <https://jmq.s.usim.edu.my/>



- Title : **Heart Purification in Sufi Ishārī Tafsīr and Its Relevance to Individual Integrity Education**
- Author (s) : Mahyuddin Hashim, Abdul Rahim Zumrah, Mazlan Ibrahim, Zamrie Ibrahim@Musa, Ahmad Yussuf, and Nursyahirah Wahidah Masrom
- Affiliation (s) : Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya
- DOI : <https://doi.org/10.33102/jmq.s.v21i2.536>
- History : Received: June 19, 2025; Revised: October 13, 2025; Accepted: December 1, 2025; Published: December 25, 2025.
- Citation : Hashim, M, Zumrah, A. R., Ibrahim, M., Zamrie, I., Yussuf, A., and Nursyahirah W. M. “Pembersihan Hati Dalam Tafsir Sufi Isharī Berkaitan Pendidikan Integriti Individu.” Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah 21, no. 2 (2025): 320–334.
<https://doi.org/10.33102/jmq.s.v21i2.536>
- Copyright : © The Authors
- Licensing :  This article is open access and is distributed under the terms of [Creative Commons Attribution 4.0 International License](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)
- Conflict of Interest : Author(s) declared no conflict of interest

Pembersihan Hati Dalam Tafsir Sufi Isharī Berkaitan Pendidikan Integriti Individu

Heart Purification in Sufi Ishārī Tafsīr and Its Relevance to Individual Integrity Education

Mahyuddin Hashim*

Faculty of Quranic and Sunnah Studies
Universiti Sains Islam Malaysia

Abdul Rahim Zumrah

Faculty of Leadership and Management
Universiti Sains Islam Malaysia

Mazlan Ibrahim

Faculty of Islamic Studies
Universiti Kebangsaan Malaysia

Zamrie Ibrahim@Musa

Faculty of Quranic and Sunnah Studies
Universiti Sains Islam Malaysia

Ahmad Yussuf

Academy of Islamic Studies
Universiti Malaya

Nursyahirah Wahidah Masrom

Faculty of Quranic and Sunnah Studies
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Agenda pembanterasan rasuah telah menjadi keutamaan negara dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi. Namun begitu, prestasi dan integriti penjawat perkhidmatan awam di Malaysia masih berada di tahap bermasalah. Justeru, satu kajian yang teliti perlu dilakukan bagi menyelesaikan permasalahan ini. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti aspek pembersihan hati dalam tafsir Sufi Isharī berkaitan pendidikan integriti individu bagi menangani masalah rasuah. Kajian ini adalah berdasarkan kepada kajian teks yang menggunakan kaedah analisis kandungan (content analysis). Secara umumnya, para ahli tafsir Isharī sangat

*Correspondence concerning this article should be addressed to Mahyuddin Hashim, Universiti Sains Islam Malaysia at mahyuddin@usim.edu.my

menekankan tentang pembersihan hati. Aspek pembersihan hati adalah intipati kepada pembentukan keperibadian yang mulia. Oleh kerana itu elemen pembersihan hati ini perlu dimasukkan dalam pendidikan integriti individu yang bertujuan untuk menghasilkan himpunan kualiti unggul dalam keperibadian diri. Pendidikan integriti individu mesti bermula dengan pembersihan hati kerana setiap tindakan dan pergerakan yang dilakukan oleh anggota badan adalah berdasarkan kepada perintah hati. Jika ia dikuasai oleh hawa nafsu maka ia adalah hati yang rosak dan sangat sukar untuk diubah. Ia akan menatijahkan seseorang memiliki keperibadian yang buruk dan hilang integriti. Penemuan dapatan kajian ini sangat penting dalam pendidikan integriti individu. Penekanan kepada aspek pembersihan hati akan memberi kesan yang baik dalam pembinaan keperibadian dan akhlak yang mulia, khususnya dalam usaha kerajaan memerangi amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Kata kunci: Pembersihan hati, Tafsir Sufi Ishārī, Pendidikan Integriti individu

Abstract

Combating corruption remains a national priority as Malaysia advances toward developed and high-income status, yet concerns persist regarding the performance and integrity of segments of the civil service. Addressing this challenge requires sustained scholarly inquiry into integrity formation that goes beyond compliance-oriented approaches. This study aims to identify key dimensions of *tazkiyat al-qalb* (heart purification) articulated in Sufi Ishārī Tafsīr and to examine their relevance to individual integrity education in the context of corruption prevention. Employing qualitative content analysis, the study analyses selected Ishārī exegetical texts to extract themes related to spiritual-ethical cultivation. The analysis indicates that Ishārī Tafsīr consistently foregrounds heart purification as the core of moral formation and the basis of *akhlāq* (noble character). From this perspective, integrity education should begin with inner rectification, because outward conduct is understood to follow the orientation of the heart. When the heart is dominated by *hawā al-nafs* (lustful inclinations), it becomes morally disordered, producing character deficits that undermine integrity and increase susceptibility to corrupt behaviour. The study concludes that integrating heart purification frameworks into integrity education can strengthen character development and moral accountability, thereby supporting broader governmental efforts to curb corruption and abuse of power.

Keywords: Heart purification, Sufi Ishārī Tafsir, individual integrity education.

Pendahuluan

Malaysia telah meletakkan agenda pembanterasan rasuah sebagai keutamaan negara dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi. Untuk itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang dilancarkan pada bulan April 2004 yang menampilkan rancangan terperinci selaras dengan matlamat mewujudkan masyarakat bermoral dan beretika tinggi selari dengan Wawasan 2020. Program Transformasi Kerajaan (GTP) meneruskan kelangsungan prinsip asas PIN melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Banteras Rasuah.

Kerajaan Malaysia juga telah melancarkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 yang menggariskan misi penting bagi menyumbang kepada keberkesanan usaha pembanterasan rasuah di negara ini melalui penegakan kedaulatan undang-undang dan penstrukturan semula sistem perkhidmatan awam (Jabatan Perdana Menteri, 2019). Kerajaan juga telah memperkenalkan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional 2024-2028 bagi meneruskan agenda memerangi rasuah di Malaysia.¹

Menurut Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ketika memperkenalkan Wawasan Kemajuan Bersama 2030, rasuah dan salah guna kuasa telah menjejaskan pertumbuhan dan pengagihan ekonomi.² Pada tahun 2023, dapatan daripada satu kaji selidik komprehensif di seluruh negara mendedahkan 41% daripada responden sangat setuju bahawa rasuah di Malaysia masih sangat membimbangkan, sementara 1 daripada 4 rakyat Malaysia setuju bahawa rasuah sudah bertambah buruk dalam tempoh setahun. Keseluruhannya, lebih mengejutkan, lebih dua pertiga (67%) daripada rakyat Malaysia percaya bahawa rasuah sudah meningkat berbanding tahun sebelumnya.³

Kajian antarabangsa seperti Barometer Rasuah Global dan Indeks Persepsi Rasuah masih menunjukkan bahawa sejumlah besar rakyat tidak percaya bahawa masalah rasuah telah bertambah baik di negara ini. Keputusan tinjauan menunjukkan bahawa proses transformasi perlu dipertingkatkan, dan lebih banyak lagi perlu dilakukan untuk meningkatkan

¹ Jabatan Perdana Menteri, *Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023* (Putrajaya: Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional, 2019), 2

² *Ibid.*, 2

³ Jabatan Perdana Menteri, *Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional 2024-2028* (Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri, 2024), 4

kedaran orang ramai tentang isu ini di semua peringkat, terutama pada tahap formatif. Indeks Persepsi Rasuah (CPI) di Malaysia mencatatkan purata skor 49.61 antara tahun 1995 dan 2017. Malaysia mencapai rekod skor tertinggi, 53.20 pada tahun 1996 dan rekod skor terendah, 43, pada 2011. Lebih mendukacitakan, mulai 2014, skor Malaysia menurun setiap tahun daripada skor 52 kepada skor 47 pada tahun 2017. Walaupun Malaysia telah mendapat skor 53 pada tahun 2019, usaha perlu diteruskan untuk memerangi rasuah.⁴

Persepsi rasuah sepanjang tempoh Pelan Antirasuah Nasional (NACP) antara tahun 2019 hingga 2023 pula masih menunjukkan satu trend yang membimbangkan. Menurut CPI, skor Malaysia menurun dari 53 daripada 100 pada 2019 kepada 50 daripada 100 pada 2023. Pada masa sama, kedudukan global Malaysia merosot dari 51 daripada 180 negara kepada 57 pada tempoh yang sama, iaitu meleset daripada sasaran kerajaan untuk mencapai kedudukan 30 menjelang 2025 dan 25 menjelang 2030.⁵

Pada skala makroekonomi, kesan buruk rasuah di Malaysia sangatlah besar. Antara tahun 2005 hingga 2014, Malaysia telah kehilangan RM 1.8 trilion menerusi aliran kewangan tidak sah yang mana sebahagian daripadanya berpunca daripada amalan rasuah.⁶ Begitu juga Malaysia kerugian berjumlah RM277 bilion dalam nilai keluaran ekonomi dalam tempoh antara 2019 hingga 2023. Sebagai perbandingan, jumlah ini menyamai bagi 28 tahun peruntukan untuk Sumbangan Tunai Rahmah (STR) atau hampir menyamai KDNK Johor dan Pulau Pinang sekali gus.⁷

Pada 2017, Transparency International Malaysia (TI-M) mendedahkan bahawa Malaysia kerugian sehingga hampir RM46.9 bilion akibat rasuah. Selain itu, laporan Global Financial Integrity (GFI) menunjukkan aliran wang haram yang terkait dengan perdagangan menyebabkan kerugian berjumlah hampir RM1 trilion (USD279 bilion) di antara tahun 2009 dan 2018, yang sebahagian besar dikaitkan dengan amalan rasuah. Kerugian itu bersamaan keseluruhan saiz ekonomi Johor, Pulau Pinang, Selangor, dan Kuala Lumpur iaitu RM971 billion pada 2022.⁸

⁴ Jabatan Perdana Menteri, *Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023*, 2

⁵ Jabatan Perdana Menteri, *Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional 2024-2028*, 5

⁶ Jabatan Perdana Menteri, *Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023*, 2

⁷ Jabatan Perdana Menteri, *Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional 2024-2028*, 18

⁸ *Ibid.*, 18

Dari 2019 hingga 2023, 36% daripada maklumat berkaitan rasuah yang diterima oleh SPRM ada kaitan dengan sektor pentadbiran, diikuti oleh penguatkuasaan sebanyak 24% dan perolehan sebanyak 24%. Trend ini hampir menyamai pengamatan yang dibuat sepanjang tempoh sebelumnya 2013 hingga 2018.⁹

Berdasarkan trend rasuah di Malaysia dalam tempoh 2013-2018, sektor awam dilihat sebagai sektor yang paling berisiko terhadap amalan rasuah. Berbanding tahap risiko 17.06% oleh sektor swasta, sektor awam mencatatkan tahap risiko yang jauh lebih tinggi iaitu 63.30%. Hal ini disebabkan oleh tadbir urus yang lemah dalam bidang perolehan, agensi penguatkuasaan undang-undang serta pentadbiran.¹⁰

Beberapa peluang yang mampu memperkukuh inisiatif antirasuah telah dikenalpasti melalui NACP iaitu antaranya sistem pendidikan menyeluruh yang memupuk tadbir urus insan (human governance) yang dibangunkan melalui kurikulum pendidikan kebangsaan berpaksikan Tadbir Urus Insan (human governance) dan Program Kepimpinan Berterusan.¹¹

Bagi mendokong hasrat kerajaan untuk memerangi rasuah, aspek pembersihan hati dalam tafsir Sufi *Isharī* berkaitan pendidikan integriti individu sangat penting untuk dikaji. Justifikasi pemilihan tafsir Sufi *Isharī* adalah kerana ia mengandungi aspek al-Quran yang menjadi panduan Ilahi untuk membina kesejahteraan insan. Di samping itu, ia juga mempunyai aspek Tasawuf yang memberikan penekanan kepada pendidikan rohani yang menyumbang kepada pembentukan integriti individu berbanding metod-metod tafsir yang lain. Kedua-dua aspek ini telah terbukti berjaya menghasilkan keperibadian mulia dalam pembinaan integriti individu sejak zaman berzaman yang menjadi tujuan Nabi Muhammad s.a.w. diutuskan.¹²

Pembentukan rohani adalah merupakan intipati ilmu Tasawuf berbanding teori atau model sedia ada yang tidak memfokuskan kepada aspek tersebut.¹³ Ini tidak bermakna kajian ini menolak aspek intelek, jasmani,

⁹ *Ibid.*, 19

¹⁰ *Ibid.*, 1

¹¹ *Ibid.*, 24

¹² Mahyuddin Hashim, *al-Fikr al-Ṣūfī bayn al-Shāṭibī wa Ibn Khaldūn* (Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM, 2012), 70

¹³ Ballentine, J.A, Larres, P.M, Mulgrew, M., "Determinants of Academic Cheating behaviour: The

Future for Accountancy in Ireland. *Accounting Forum*, 38 (1) (2014), 55-66

emosi dan sosial seseorang dalam pendidikan integriti individu tetapi penekanan rohani yang bersumberkan al-Quran perlu diberikan perhatian di samping aspek-aspek lain. Antara teori atau model yang sedia ada ialah *Theory of Planned Behavior*¹⁴ dan *Theory of Reason Action*¹⁵.

Kajian Ballentine, Larres dan Mulgrew mencadangkan agar dimasukkan unsur religiositi (penghayatan agama) sebagai pemboleh ubah bersandar memandangkan tidak banyak pengkaji yang memasukkan unsur ini dalam kajian mereka sedangkan perkara seperti religiositi (penghayatan agama) dilihat memainkan peranan sebagai faktor penentu dalam kajian ketidak jujur. ¹⁶ Kajian Laurin, Kay dan Fitzsimon menyarankan agar perkara yang berkaitan dengan unsur ketuhanan dalam diri dan minda manusia boleh membawa kepada keutuhan dan kemurnian perilaku berasaskan aspek ketuhanan. ¹⁷

Di samping itu, kajian Randolph, Seng dan Nielsen mendapati unsur ketuhanan (religiosity) berupaya membawa kepada perilaku individu kepada lebih beretika (honestly). ¹⁸ Justeru, objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti aspek pembersihan hati dalam tafsir Sufi *Isharī* berkaitan pendidikan integriti individu bagi menangani masalah rasuah.

1.1 Hakikat Hati daripada perspektif ahli Sufi

Hati atau jantung dalam Bahasa Arab ialah *al-Qalb* (القلب). *Al-Qalb* daripada sudut bahasa ialah kata terbitan daripada perkataan *qalaba* (قَلَبَ). Jika disebut 'قَلَبَ الشَّيْءَ', ia bererti membalikkan sesuatu iaitu menjadikan perkara yang di

¹⁴ Icek Ajzen, "The theory of planned behavior," *Organizational behavior and Human Decision Processes*, 50 (2) (1991), 179-211

¹⁵ Hagger, M. S., The reasoned action approach and the theories of reasoned action and planned behavior. In D. S. Dunn (Ed.), *Oxford Bibliographies in Psychology* (New York, NY: Oxford University Press, 2019). DOI: 10.1093/OBO/9780199828340-0240

¹⁶ Ballentine, J.A, Larres, P.M, Mulgrew, M., "Determinants of Academic Cheating behaviour: The Future for Accountancy in Ireland. *Accounting Forum*, 38 (1) (2014), 55-66

¹⁷ Laurin, K., Kay, A. C., & Fitzsimons, G. M., "Divergent effects of activating thoughts of God on self-regulation," *Journal of Personality and Social Psychology*, 102 (1) (2012), 4-21

¹⁸ Randolph-Seng, B., & Nielsen, M. E., "Honesty: One effect of primed religious representations," *International Journal for the Psychology of Religion*, 17 (4) (2007), 303-315

atas berada di bawah. Ia juga bererti menukarkannya. Kata jamaknya ialah *qulub* (قلوب). Ia adalah anggota yang mengepam darah dalam jasad.¹⁹

Ia adalah selari dengan pandangan Imam Ghazali yang menyatakan bahawa salah satu makna *qalb* ialah jantung yang berbentuk buah nanas yang terletak pada sebelah kiri dada. Ia adalah daging yang mempunyai tanggungjawab khusus dan di dalamnya mempunyai rongga. Dalam rongga tersebut terdapat darah hitam yang menjadi punca dan pusat kepada nyawa.²⁰

Burusawi pula telah menyebut beberapa takrifan yang diberikan oleh para ulama lain. Antaranya ia adalah seketul daging yang berbentuk buah nanas yang terbalik dan tergantung pada pembuluh darah arteri. Jika pembuluh darah itu dipotong, tuannya akan mati.²¹

Burusawi juga mendatangkan takrifan Imam Kawasyi (wafat 680H) dalam tafsirnya yang menyatakan bahawa *qalb* ialah sekeping darah hitam dalam hati dan sebahagian ulama mendakwa ia adalah berbentuk buah nanas yang terbalik dan tergantung pada pembuluh darah arteri.²²

Ahli sufi apabila menyebut lafaz *qalb*, ia tidak bermaksud ketulan daging tetapi mengikut Imam Ghazali, ia adalah sesuatu yang halus, bersifat ketuhanan dan kerohanian yang mempunyai hubungan dengan jantung manusia. Kehalusan ini adalah hakikat insan. Ia yang mengetahui dan mengenali bagi manusia. Ia adalah tempat diturunkan perintah, dijatuhkan hukuman, celaan dan tuntutan. Para cendekiawan keliru dalam menentukan hubungan antaranya dengan jantung manusia. Ia sama seperti hubungan antara kehendak dengan anggota badan manusia, sifat dengan perkara yang disifatkan atau fungsi alat dengan alat itu sendiri.²³

Pendapat Imam Ghazali dikukuhkan lagi dengan pandangan Imam Jurjani yang mengatakan ia adalah sesuatu yang halus bersifat ketuhanan dan

¹⁹ Ahmad al-‘Ābid, *al-Muʿjam al-‘Arabī al-Asāsī* (Tunisia: al-Munazzamat al-‘Arabīyah li al-Tarbīyah wa al-Thaqafah, n.d.), 1003

²⁰ Muḥammad bin Muḥammad Al-Ghazālī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Beirut: Dār al-Ma’rifah, n.d.), 2:6

²¹ Isma‘īl Ḥaqqī al-Burūsawī, *Tafsīr Ruḥ al-Bayān* (Beirut: Dar Iḥyā’ al-Turāth, 2001), 1:76

²² *Ibid.*, 1/76

²³ Al-Ghazālī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn*, 2:6

mempunyai hubungan dengan jantung berbentuk buah nanas yang terletak pada sebelah kiri dada manusia. Kehalusan ini adalah hakikat insan.²⁴

Burusawi (2001) pula berkata bahawa *Qalb* ialah hati. Ia dinamakan *qalb* kerana berlakunya sesuatu perkara berdasarkan kehendaknya (تقلبه في) dan anggota tubuh mengikut kemahuannya.²⁵

Allah SWT telah menjadikan hati sebagai tempat ubudiyah. Ia adalah tempat perasaan dan emosi berkumpul dalam diri manusia seperti rasa cinta, benci, takut, berharap, gembira, sedih, keinginan, kagum, panik, tenang dan lain-lain lagi.²⁶

1.2 Tafsir Sufi *Isharī*

Tafsir Sufi *Isharī* pula adalah antara salah satu bentuk tafsir untuk menghuraikan makna al-Quran. Ia merupakan tafsiran yang berdasarkan isyarat yang tersembunyi yang berlawanan dengan Tafsir *ẓāhir* ayat-ayat al-Quran kerana ia bergantung kepada rahsia di sebalik lafaz-lafaz tanpa terhenti pada sempadan zahir dan makna kamus semata-mata. Ia melihat kepada lafaz al-Quran dengan hakikat yang berbeza dari pemahaman biasa.²⁷

Tafsir Sufi *Isharī* adalah bentuk tafsiran yang tidak bergantung sepenuhnya kepada penggunaan akal tetapi penggunaannya adalah sekadar yang digunakan oleh ahli Sufi. Ia membawa maksud bahawa tafsiran *Isharī* yang dikeluarkan daripada nas al-Quran bukanlah menggunakan akal semata-mata tetapi penggunaannya adalah agar Tafsir Sufi *Isharī* tidak terkeluar daripada lafaz zahir yang selari dengan uslub Arab. Ia sama ada daripada sudut bahasa, tatabahasa, mengeluarkan suatu kalimah dengan kalimah yang lain atau seni sastera. Ia juga agar tidak terkeluar daripada petunjuk yang berbetulan dengan sebab turun ayat, maklumat-maklumat yang dipercayai, ilmu hadis, usul dan feqah.²⁸

²⁴ Alī bin Muḥammad al-Jurjānī, *Al-Ta'rifāt* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 1983), 229

²⁵ Al-Burūsawī, *Tafsīr Ruḥ al-Bayān*, 1:76

²⁶ Majdī al-Hilālī, *Al-Imān Awwalan; Fakayfa Nabda' bihi* (Cairo: Dār al-Tawzī' wa al-Nashru Islamiyah, 2000), 22

²⁷ Abd al-Karīm al-Qushairī. *Laṭa'if al-Isharat*. (Cairo: Hai'ah Maṣrīyah al-'Ammah li al-kitab, 1981), 22

²⁸ Al-Qushayrī, *Laṭā'if al-Ishārāt*, 22 & Mahyuddin Hashim, Adnan Mohamed Yusoff and Abd Rahman Hussien Obeid, "Al-Tafsīr al-Ṣūfī al-Ishārī fī Bidāyat al-Sālikīn: Dirāsāt al-Naqdīyah

Ahli Sufi melihat bahawa Tafsir Sufi *Isharī* adalah salah satu manifestasi daripada *ma'rifah* dan natijah Tasawuf. Mereka mendakwa bahawa ia adalah pemberian Ilahi yang dengannya ditafsirkan al-Quran dan diketahui makna-maknanya dengan cahaya Rabbani yang menerangi hati-hati ahli *Ma'rifah*. Ahli *Ma'rifah* melihat makna-makna yang tersembunyi daripada orang awam tanpa sempadan. Mereka mempercayai tentang keistimewaan yang Allah berikan kepada mereka dalam mengetahui tafsiran dan takwilan *batīnī*.²⁹

Sheikh Tustarī [wafat 283H] berkata tentang keistimewaan para waliullah dalam mengetahui batin al-Quran, "Sesungguhnya Allah SWT tidak menjadikan seseorang itu wali daripada umat Muhammad SAW kecuali mengajarnya tentang al-Quran sama ada secara zahir ataupun batin." Seseorang bertanya kepadanya, Kita mengetahui tentang maksud zahir tetapi apakah maksud batin?" Beliau menjawab, "Pemahamannya. Sesungguhnya pemahamannya adalah yang dimaksudkan."³⁰

Imam Qushairī (1981) pula berkata, "Orang yang paling mulia daripada kalangan hamba-hambanya yang terpilih ialah mereka yang memahami kehalusan rahsia dan cahayanya untuk melihat ketepatan isyaratnya dan kerahsiaan simbolnya."³¹

Perlu dijelaskan bahawa Tafsir Sufi *Isharī* adalah sangat berbeza dengan tafsir di sisi golongan Baṭīnīyah kerana ahli Sufi memperakui bahawa al-Quran mempunyai perkara zahir dan batin. Ada pun golongan Shi'ah Baṭīnīyah, mereka hanya mengiktiraf batin al-Quran dengan menafikan zahirnya. Mereka sengaja menafsirkan perkara batin berdasarkan kepada niat mereka yang jahat. Ahli Sufi mengiktiraf zahir al-Quran dan tidak mengingkarinya sebagaimana mereka mengiktiraf batinnya.

Sheikh Taftazānī [wafat 793H] berkata, "Dinamakan Baṭīnīyah kerana mereka mendakwa bahawa nas-nas bukan pada zahirnya bahkan ia

fi Rūh al-Bayān li al-Burūsawī," *Ma'alim Al-Qur'an wa Al-Sunnah*, 11 (12) (2016), 36-62
<https://jmqs.usim.edu.my/index.php/jmqs/article/view/72>.

²⁹ Muḥammad Ibn 'Arabī, *al-Futūḥat al-Makkīyah* (Cairo: Hay'ah al-Miṣrīyah al-Āmmah li al-Kitāb, 1985), 8/73-74

³⁰ Sa'd al-Dīn Mas'ūd al-Taftāzānī, *Sharḥ al-'Aqā'id al-Nasafīyah* (Cairo: Maktabah al-Azhar li al-Turāth, 2000), 82

³¹ Al-Qushayrī, *Laṭā'if al-Ishārāt*, 23

mempunyai makna-makna batin yang tidak diketahui kecuali *al-Mu'allim*. Tujuan mereka adalah untuk menafikan Syariat secara keseluruhannya."³²

Sheikh Taftaznī berkata lagi, "Ada pun pandangan sebahagian *muḥaqqiqīn* bahawa nas-nas adalah pada zahirnya dan dalam masa yang sama mempunyai isyarat yang tersembunyi yang diketahui oleh ahli Suluk yang mungkin diaplikasikan antaranya dengan maksud zahir nas tersebut maka ia adalah kesempurnaan *ma'rifah* dan keimanan."³³

Antara kajian yang berkaitan dengan tafsir Sufi *Ishārī* ialah *Uzlah and Dhikr in the Sufi Ishārī Al-Baḥr Al-Madīd Tafsir by Ibn 'Ajībah*; *Sufi Ishārī Tafsir in the benefits of Mysticism: Criticism Approach in Ruhul Bayan By al-Burūsawī Tafsir*; *Sufi Ishārī Tafsir and Its Comparison with al-Bāṭinīyah Tafsir*, *Sufi Tafsir of Philosophy and Scientific Ishārī Tafsir*; *Al-Tafsīr al-Ṣūfī al-Ishārī fī al-Manhaj al-'Amālī 'inda al-Ṣūfīyah: Dirāsāt Naqdīyah fī al-Baḥr al-Madīd li ibn 'Ajībah*; *Al-Tafsīr al-Ṣūfī al-Ishārī fī Bidāyat al-Sālikīn: Dirāsāt al-Naqdīyah fī Rūḥ al-Bayān li al-Burūsawī*; *Al-Tafsīr Al-Ṣūfī Al-Ishārī fī A'māl al-Qulūb: Dirāsāt Naqdīyah fī Tafsīr Rūḥ al-Bayān li al-Burūsawī*; *Al-Tafsīr Al-Ṣūfī Al-Isyārī fī A'māl al-Qulūb: Dirāsāt Naqdīyah Fī Al-Baḥr al-Madīd li Ibn 'Ajībah* and *Mawqif Al-Shāṭibī min Al-Tafsīr Al-Ishārī*.³⁴

³² Al-Taftāzānī, *Sharḥ al-'Aqā'id al-Nasafīyah*, 149

³³ *Ibid.*, 149

³⁴ Mahyuddin Hashim & Asman Taeali, "Uzlah dan Dhikr dalam Tafsir Sufi Ishārī al-Baḥr al-Madīd," *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 24 (1) (2022): 33-64; Mahyuddin Hashim, Abdul Rahman Obeid & Adnan Mohamed Yusoff, *Tafsir Sufi Ishārī in The Profits of Mysticism: Criticism Approach in Tafsir Rūḥ al-Bayān by al-Burūsawī*, *Ulum Islamiyyah*, 18 (2016), 235-252; Mahyuddin Hashim, "Tafsir Sufi Ishārī and its Comparison with Tafsir al-Batiniah, Tafsir Sufi of Philosophy and Tafsir Scientific Ishārī. *Ulum Islamiyyah*," 27 (2019), 53-65; Mahyuddin Hashim, Abdul Rahman Obeid & Adnan Mohamed Yusoff, "Al-Tafsīr al-Ṣūfī al-Ishārī fī al-Manhaj al-'Amālī 'inda al-Ṣūfīyah: Dirāsāt Naqdīyah fī al-Baḥr al-Madīd li Ibn 'Ajībah," *Jurnal al-Abqori*, 11 (2017), 211-228; Mahyuddin Hashim, Adnan Mohamed Yusoff and Abd Rahman Hussien Obeid, "Al-Tafsīr al-Ṣūfī al-Ishārī fī Bidāyat al-Sālikīn: Dirāsāt al-Naqdīyah fī Rūḥ al-Bayān li al-Burūsawī," *Ma'ālim Al-Qur'an wa Al-Sunnah*, 11 (12) (2016), 36-62; Mahyuddin Hashim, Abdul Rahman Obeid & Dr Adnan Mohamed Yusoff, "Al-Tafsīr Al-Ṣūfī Al-Ishārī fī A'māl al-Qulūb: Dirāsāt Naqdīyah fī Tafsīr Rūḥ al-Bayān li al-Burūsawī," *Jurnal At-turath*, 1 (2016), 94-101; Mahyuddin Hashim, "Al-Tafsīr Al-Ṣūfī Al-Ishārī fī A'māl al-Qulūb: Dirāsāt Naqdīyah Fī Al-Baḥr al-Madīd li Ibn 'Ajībah," *Ma'alim Al-Quran wa As-Sunnah*, 9 (2013), 125-156; Mahyuddin Hashim, "Mawqif Al-Shāṭibī min Al-Tafsīr Al-Ishārī," *Ma'ālim al-Qur'an wa al-Sunnah*, 6 (2010), 45-82.

1.3 Pendidikan Integriti Individu

Integriti berasal daripada perkataan latin: 'integer' yang bermaksud menyeluruh, sempurna dan kesatuan yang teguh.³⁵ Menurut Megat Ayop Megat Arifin dan Abd. Halim Ahmad, integriti terbahagi kepada dua asas utama. Pertama, individu dan kedua organisasi. Namun begitu, pada umumnya integriti merujuk kepada himpunan kualiti unggul yang wujud dalam kalangan individu dan kualiti ini berteraskan kepada prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral tinggi. Di peringkat individu, integriti ialah keselarasan di antara tindakan dengan prinsip moral, etika dan undang-undang serta keselarasan di antara kepentingan diri dengan kepentingan umum. Manakala di peringkat organisasi ianya telah termaktub dalam pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan atau sistem dan proses kerja serta pematuhan kepada amalan terbaik. Kod etika berkenaan ditegaskan, diulangi dan dihayati oleh anggota organisasi berkenaan sehingga menjadi kebiasaan dan akhirnya menjadi budaya organisasi (corporate culture). Secara idealnya integriti sama ada di peringkat individu mahupun organisasi bermaksud *code of behavior*.³⁶

Kajian terdahulu mendapati integriti mempunyai hubungan yang positif dengan kesejahteraan individu,³⁷ kesejahteraan komuniti dan kesejahteraan organisasi.³⁸ Integriti membentuk staf yang mempunyai tingkah laku yang baik dan bebas daripada tingkah laku negatif seperti mencuri, vandalisme, memanjangkan waktu rehat tanpa kebenaran dan ponteng kerja. Kelemahan integriti akan menyumbang kepada keruntuhan nilai moral dan kerosakan sesuatu profesion pekerjaan.³⁹

³⁵ Widang I, Fridlund B, "Self-respect, Dignity and Confidence: Conceptions of Integrity Among Male Patients," *Journal of Advance d Nursing*, 42 (1), 47-56

³⁶ Megat Ayop Megat Arifin dan Abd. Halim Ahmad, "Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum," *Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (9) (2016), 138 – 149

³⁷ Widang I, Fridlund B, "Self-respect, Dignity and Confidence: Conceptions of Integrity Among Male Patients," *Journal of Advance d Nursing*, 42 (1), 47-56

³⁸ Megat Ayop Megat Arifin dan Abd. Halim Ahmad, "Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum," *Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (9) (2016), 138 – 149

³⁹ Megat Ayop Megat Arifin dan Abd. Halim Ahmad, "Kepentingan budaya integriti dan etika kerja dalam organisasi di Malaysia: Suatu tinjauan umum," *Malaysian Journal of Society and Space*, 12 (9) (2016), 138 – 149

Setiap individu bertanggungjawab terhadap pembentukan integriti diri mereka. Menurut Aristotle, individu adalah bermoral apabila melakukan tindakan yang betul kerana mengetahui tindakan itu adalah betul secara konsisten dan sehati dengan dirinya. Oleh itu, adalah sangat penting untuk membentuk nilai moral yang baik melalui kebiasaan dan latihan.⁴⁰ Individu juga perlu mempunyai keberanian untuk menentukan sempadan dan mempertahankan diri daripada perkara yang merosakkan dirinya sendiri dan nilai yang dipegang.⁴¹ Pandangan Koonce, menyatakan individu perlu menyerlahkan kreativiti, tidak terlalu serius sehingga kehilangan *sense of humor*, melakukan perkara yang betul, tidak bersifat taksub kepada peribadi tertentu dan mendengar pendapat orang lain untuk menjana integriti diri mereka.⁴²

Pendidikan integriti mesti bermula daripada pendidikan individu. Menurut Syed M. Naquib Al-Attas, ilmu dalam dunia pendidikan tidak hanya berfungsi sebagai sarana pencapaian tujuan sosioekonomi, tetapi secara khusus juga berperanan dalam mencapai tujuan spiritual manusia. Tujuan pendidikan adalah untuk mempersiapkan manusia yang dapat berperanan dan menyesuaikan diri dalam masyarakat masing-masing. Oleh itu, matlamat pendidikan dengan sendirinya diambil daripada dan diusahakan untuk memperkuat kepercayaan, sikap, ilmu pengetahuan dan sejumlah keahlian yang sudah diterima dan sangat berguna kepada masyarakat.⁴³

Menurutnya lagi, tujuan pendidikan menurut Islam bukanlah hanya untuk menghasilkan warga negara dan pekerja yang baik. Sebaliknya adalah untuk menciptakan manusia yang baik. Yang perlu ditekankan adalah nilai manusia sebagai manusia sejati sebagai sesuatu yang bersifat spiritual. Orang terpelajar adalah orang baik. Maksud “Baik” ialah adab dalam pengertian yang menyeluruh, yang meliputi kehidupan spiritual dan material seseorang, yang berusaha menanamkan kualiti kebaikan yang diterimanya. Justeru, orang yang benar-benar terpelajar ialah orang yang beradab insan adabi. Penyemaian dan penanaman adab dalam diri seseorang disebut dengan ta’dib (pendidikan). Pengaturan pendidikan dan ilmu pengetahuan dalam sistem

⁴⁰ Wakin MW, “Professional Integrity,” *Airpower Journal*, 10 (2) (1996), 23-29

⁴¹ Widang I, Fridlund B, “Self-respect, Dignity and Confidence: Conceptions of Integrity Among Male Patients,” *Journal of Advance d Nursing*, 42 (1), 47-56

⁴² Koonce R, “Practice Your Own Successful Habits,” *Training & Development*, 52 (3) (1998), 19

⁴³ Wan Mohd Nor Wan Daud, *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib Al-Attas: Satu Huraian Konsep Asli Islamisasi* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018), 110

pendidikan Islam haruslah mencerminkan Manusia Sempurna (Muhammad s.a.w). Insan adabi adalah individu yang sadar sepenuhnya akan dirinya dan hubungannya yang tepat dengan diri-diri lain, Tuhan, masyarakat dan alam yang tampak mahu pun yang ghaib.⁴⁴

Antara teori atau model sedia ada berkaitan integriti individu ialah:

1. *Theory of Planned Behavior* (Ajzen, 2012)

Mengikut teori ini, niat adalah penentu langsung tingkah laku seseorang. Sikap terhadap perilaku, norma subjektif dan kawalan tingkah laku adalah 3 komponen utama yang membawa kepada niat seseorang terhadap perilaku.⁴⁵

2. *Theory of Reasoned Action* (Ajzen & Fishbein, 1975)

Teori ini berpusatkan kepada niat, satu pembinaan motivasi yang dianggap sebagai penentu tingkah laku yang paling dekat. Niat mencerminkan sejauh mana individu mungkin merancang untuk melakukan dan berusaha dalam tingkah laku yang ditunjukkan. Niat dikonseptualisasikan sebagai fungsi dua binaan berasaskan kepercayaan: sikap dan norma subjektif. Sikap adalah penilaian positif atau negatif untuk melakukan tingkah laku pada masa akan datang, sementara norma subjektif mencerminkan keyakinan yang penting yang lain ingin mereka melakukan tingkah laku.⁴⁶

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis teks induktif. Ia adalah satu kaedah penyelidikan untuk penafsiran subjektif kandungan data teks melalui proses klasifikasi sistematik pengkodan dan mengenal pasti tema atau pola.⁴⁷

⁴⁴ *Ibid.*, 117

⁴⁵ Icek Ajzen, "The theory of planned behavior," *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50 (2) (1991), 179-211

⁴⁶ Hagger, M. S., The reasoned action approach and the theories of reasoned action and planned behavior. In D. S. Dunn (Ed.), *Oxford Bibliographies in Psychology*. (New York, NY: Oxford University Press, 2019). DOI: 10.1093/OBO/9780199828340-0240

⁴⁷ Hsieh dan Shannon, "Three Approaches to Qualitative Content Analysis," *Qualitative Health Research* vol. 15(9) (2005), 1277-1288; Y. Zhang dan B. M. Wildermuth, "Qualitative Analysis of Content", In B. Wildermuth ed., *Applications of Social Research Methods to Question in Information and Library Science* (Westport, CT: Libraries Unlimited, 2009), 308-319.

Kitab Tafsir Sufi *Isharī* adalah bahan utama yang akan digunakan dalam kajian menggunakan kaedah ini bagi mengenalpasti pandangan ahli tafsir Sufi tentang pembersihan hati. Kitab tersebut adalah *Al-Ta'wīlāt al-Najmīyah fī al-Tafsīr al-Ishārī al-Ṣūfī* karangan Aḥmad bin 'Umar Najm al-Dīn Dāyah, *Tafsīr Ruḥ al-Bayān* karangan Isma'īl Ḥaqqī al-Burūsawī, *Gharā'ib al-Qur'ān wa Raghā'ib al-Qur'ān* karangan Al-Ḥasan bin Muḥammad Al-Naysābūrī dan *Al-Baḥr al-Madīd fī Tafsīr al-Qur'ān al-Majīd* karangan Aḥmad Ibn 'Ajībāh.

Data yang dikumpulkan akan dianalisis menggunakan pendekatan induktif. Pendekatan ini melibatkan pembacaan data mentah untuk menghasilkan penilaian terperinci mengikut tafsiran tema penyelidik.⁴⁸ Prosedur kajian ini ialah teks dalam Tafsir Sufi *Isharī* dianalisis bagi mengenalpasti aspek pembersihan hati berkaitan pendidikan integriti individu. Selepas itu, data yang dikumpulkan daripada teks analisis kemudiannya dikategorikan mengikut tema.

3. Hasil Dan Perbincangan

Berdasarkan kajian yang dibuat, terdapat banyak tafsiran *Isharī* yang menyentuh tentang pembersihan hati. Pengkaji hanya mendatangkan sebahagiannya sahaja berdasarkan kepada ayat-ayat al-Quran yang dikaji. Hasil dapatan dan perbincangan adalah sebagaimana berikut:

3.1 Firman Allah SWT:

﴿وَمَثَلُ الَّذِينَ كَفَرُوا كَمَثَلِ الَّذِي يَنْعِقُ بِمَا لَا يَسْمَعُ إِلَّا دُعَاءٌ وَنِدَاءٌ صُمُّ بُكْمٌ عُمْى فَهُمْ لَا يَعْقِلُونَ﴾
(البقرة: ١٧١)

Maksudnya: Perbandingan orang kafir yang enggan beriman apabila sampai dakwah kepadanya, ibarat binatang ternakan yang diseru pengembalanya. Binatang tersebut tidak memahami seruan pengembala itu melain hanyalah sebagai suara panggilan dan teriakan sahaja. Mereka yang enggan beriman itu sebenarnya adalah pekak, bisu dan buta, kerana itu mereka tidak dapat memahami seruan dakwah.⁴⁹

⁴⁸ D. R. Thomas, "General Inductive Approach for Analyzing Qualitative Evaluation Data," *American Journal of Evaluation* vol. 27(2) (2006): 237-246.

⁴⁹ Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). *Terjemahan al-Quran versi al-Bayan* (Putrajaya: Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), 2021).

Para ahli tafsir *Isharī* ketika menerangkan ayat ini menekankan tentang hati yang dikuasai oleh hawa nafsu dan sangat sukar untuk diubahi. Jelasnya, hati yang dikuasai oleh hawa nafsu adalah hati berpenyakit yang akan merosakkan integriti dirinya.

Najmuddin Dayah ketika menafsirkan secara *Isharī* ayat ini berkata: “Apabila jiwa mereka melekat pada jasmani, dikuasai oleh pancaindera dan kekuatan nafsu, digelapkan oleh kegelapan sifat kebinatangan dan hati mereka tidak puas dengan kesenangan bersifat kehaiwanan, akhlak bersifat kesyaitanan dan kesenangan fizikal maka Allah menjadikan mereka pekak dan mata mereka buta. Mereka sekarang pekak untuk mendengar dakwah para nabi dengan pendengaran yang menerima. Mereka bisu untuk berkata perkara yang hak dan mengakui perkara tauhid. Mereka buta untuk melihat tanda-tanda mukjizat. Mereka tidak menggunakan akal selama-lamanya kerana mereka kehilangan kemurnian akal rohani mereka dan diharamkan daripada limpahan cahaya rabbani.”⁵⁰

Ibn Ajibah pula berkata: “Jika nafsu menguasai hati, ubatnya perlu sangat kuat, merawatnya adalah sukar dan bebannya besar bagi doktor. Peringatan tidak akan memberi manfaat kepada mereka yang tenggelam dalam kelalaian. Begitu juga ugutan dan amaran tidak akan berkesan. Orang yang berdakwah kepada mereka adalah seperti berkokok kepada binatang yang hanya sekadar mendengar pekikan mereka. Nafsu telah membutakan mata dan memekakkan telinga mereka daripada mendengar perkara-perkara kepada hidayah.”⁵¹

Seseorang yang mempunyai hati yang berpenyakit tidak menyedari tentangnya bahkan jika hatinya mati sekalipun dia tidak mengetahui tentang kematian hatinya. Tanda seseorang yang mempunyai hati yang berpenyakit ialah dia tidak merasa sakit daripada luka melakukan maksiat, jahil tentang kebenaran dan berpegang kepada aqidah yang batil.⁵²

Penyebab terbesar penyakit hati adalah lalai terhadap Allah, lalai terhadap perintah Allah dan lalai terhadap Hari Akhirat. Kelalaian terhadap Allah disebabkan oleh kurang mengingatiNya, dan keterikatan hati kepada

⁵⁰ Ahmad bin ‘Umar Najm al-Dīn Dāyah, *Al-Ta’wīlāt al-Najmīyah fī al-Tafsīr al-Ishārī al-Ṣūfī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmīyah, 2009), 1:246

⁵¹ Ahmad Ibn ‘Ajibah, *Al-Baḥr al-Madīd fī Tafsīr al-Qur’ān al-Majīd* (Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmīyah, 2005), 1:175

⁵² Ahmad Farid, *Tazkiyyah al-Nufus* (Iskandariah: Dar al-Aqidah li al-Turath, 1993), 21

hal-hal lain yang dicintai. Kelalaian terhadap perintah Allah disebabkan oleh kurangnya keinginan terhadapnya, lebih mengutamakan nafsu dan keterikatan hati kepada hawa nafsu dan syaitan. Kelalaian terhadap Hari Akhirat adalah disebabkan oleh kurangnya ingatan kepada kematian, Hari Kebangkitan, syurga dan neraka. Jika kelalaian itu berlaku dengan tiga rukun ini maka ia akan menyebabkan hamba berat untuk melaksanakan ketaatan, jiwa tergoda untuk melakukan maksiat, dunia diutamakan daripada Akhirat, hawa nafsu mendahului perintah Allah, keadilan dilampaui sehingga berlaku kezaliman dan keinginan nafsu lebih diutamakan daripada kehendak Tuhan sehingga hilangnya integriti diri.⁵³

Secara umumnya, jalan untuk mengubati penyakit hati ialah dengan melakukan perkara yang berlawanan dengan kehendak hawa nafsu seperti melawan kesombongan dengan tawadhuk, kedekut dengan pemurah dan mengambil hak orang lain dengan qana'ah. Di samping itu, ramuan yang terbaik juga adalah melalui keazaman, kesabaran dan konsisten.⁵⁴

3.2 Firman Allah SWT:

﴿وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَعَلَّمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ﴾ (الأنفال: ٢٥)

Maksudnya: Peliharalah diri kamu daripada azab yang bukan sahaja menimpa sesiapa yang melakukan kezaliman dalam kalangan kamu secara khusus, bahkan ia akan menimpa kamu kesemuanya. Dan ketahuilah bahawa Allah amat berat balasan seksa-Nya.⁵⁵

Para ahli tafsir *Isharī* dalam ayat ini memberikan isyarat bahawa ujian daripada Allah SWT tidak hanya akan menimpa nafsu yang zalim sahaja bahkan juga ke atas hati-hati yang suci. Nafsu yang zalim akan merosakkan hati-hati yang suci tersebut. Justeru, hati yang suci juga boleh dirosakkan oleh hawa nafsu yang akan menatijahkan seseorang memiliki keperibadian yang buruk dan hilang integriti.

⁵³ Muḥammad bin Ibrāhīm al-Tuwayjirī, *Mawsū'ah fiqh al-Qulūb*, (Bayt al-Afkār al-Dawliyah. n.d.), 2:1352

⁵⁴ Muḥammad Jamaluddin al-Qasimi, *Mau'izotul Mukmin min Ihya' 'Ulum al-Din* (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1995), 181.

⁵⁵ Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), *Terjemahan al-Quran versi al-Bayan*, 179

Burusawi dan Naisaburi berkata: “(Peliharalah diri kamu) wahai orang yang sampai kepada Allah (daripada azab) iaitu ujian terhadap nafsu dengan sesuatu yang menjadi bahagiannya di dunia dan Akhirat (yang bukan sahaja menimpa sesiapa yang melakukan kezaliman dalam kalangan kamu secara khusus) iaitu ujian tersebut bukan sahaja menimpa nafsu yang zalim, bahkan kezalimannya juga menimpa rohani yang bercahaya dan hati-hati yang rabbani.”⁵⁶

Hawa nafsu akan mendorong seseorang kepada sesuatu yang sesuai dengan keinginannya. Kewujudan hawa nafsu dalam diri manusia adalah untuk memenuhi keperluan manusia agar terus kekal hidup. Ini kerana sekiranya seseorang tidak ada keinginan hawa nafsu kepada makanan maka dia tidak akan makan. Jika seseorang tidak ada keinginan kepada minuman maka dia tidak akan minum. Begitulah juga dengan perkara lain yang menjadi keperluan hidup kepada diri seseorang.

Justeru, hawa nafsu juga ada manfaatnya. Sepatutnya ia tidak dikutuk secara mutlak kerana ia juga mempunyai kebaikan. Sewajarnya ia hanya dikutuk apabila melampaui batas yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, kebanyakan manusia cenderung patuh kepada hawa nafsu dalam perkara yang tidak memberikan manfaat kepadanya. Oleh kerana itu kutukan terhadap hawa nafsu dilakukan secara mutlak kerana mudaratnya yang lebih besar.⁵⁷

Para ahli sufi melihat bahawa nafsu syahwat adalah unsur yang jahat dan merosakkan dalam diri manusia. Ia adalah sebab kepada lahirnya akhlak dan sifat yang buruk. Imam Ghazali berkata: “Ahli Tasawuf memahami bahawa nafsu adalah punca kepada himpunan sifat yang buruk dalam diri manusia. Mereka berpandangan bahawa perlu untuk melawan nafsu dan mengalahkannya.”⁵⁸

Imam Hujwairi pula berkata: “Pada hakikatnya nafsu adalah tempat lahir kepada kejahatan dan tapak kepada keburukan ... Mereka bersepakat

⁵⁶ Al-Burūsawī, *Ruḥ al-Bayān*, 3:426 & Al-Ḥasan bin Muḥammad al-Naysābūrī. *Gharā'ib al-Qur'ān wa Raghā'ib al-Qur'ān* (Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah. 1416H) 3:393

⁵⁷ Ibn al-Jauzi, Jamaluddin Abu al-Faraj Abdul Rahman bin Ali, *Zammu al-Hawa* (Beirut: Darul Jil, 1999), 12

⁵⁸ Al-Ghazali, Muhammad bin Muhammad, *Ihya' Ulum al-Din* (Beirut: Dar al-Maa'rifah, n.d), 4/3

bahawa ia adalah sebab lahirnya akhlak yang buruk dan tindakan yang salah.”⁵⁹

Hati yang sakit adalah suatu kerosakan. Ia merosakkan persepsinya tentang kebenaran dan keperluannya. Dia tidak melihat kebenaran itu sebagai kebenaran. Dia melihat perkara yang bertentangan dengannya sebagai kebenaran atau kurang mengenalinya dan merosakkan keinginannya kepada kebenaran. Dia membenci kebenaran yang bermanfaat atau menyukai kebatilan yang memudaratkan. Apabila perkara ini berlaku maka dia telah hilang integriti.⁶⁰

3.3 Firman Allah SWT:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْمُشْرِكُونَ نَجَسٌ فَلَا يَقْرَءُوا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ بَعْدَ عَامِهِمْ هَٰذَا وَإِنْ حِفْظُهُمْ عَيْلَةٌ فَسَوْفَ يُعْطِيكُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ إِن شَاءَ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَكِيمٌ﴾ (التوبة: 28)

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya orang musyrikin itu najis. Oleh itu, jangan biarkan mereka menghampiri Masjidil Haram selepas tahun ini. Jika kamu bimbangkan kepapaan akibat sekatan yang dilakukan terhadap mereka, maka Allah akan memberikan kekayaan kepada kamu daripada kurniaan-Nya, jika Dia kehendaki. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.⁶¹

Para ahli tafsir *Isharī* ketika menerangkan ayat ini menyamakan Kaabah dengan hati atau rumah *hadhrāh* yang tidak seharusnya dimasuki oleh najis syirik nafsu dan sifat-sifat yang buruk. Mereka menjelaskan bahawa hati yang suci perlu sentiasa dijauhkan daripada hawa nafsu yang boleh mengotorkannya agar integriti terus subur dalam dirinya.

Burusawi berkata: “Ayat tersebut memberi isyarat bahawa Allah Taala telah mengangkat pena taklif ke atas manusia sehingga dia mencapai kesempurnaan acuannya. Dalam tempoh itu, nafsu dan sifat-sifatnya tawaf di Kaabah hati yang berasal daripada kekuatan akal dan rohani. Nafsu memperolehi apa yang diinginkannya daripada dunia dan kenikmatannya sehingga menyembah dunia menjadi kebiasaannya dan mensyirikkan Allah

⁵⁹ Al-Hujwairi, Ali bin Uthman, *Kasyfu al-Mahjub* (N.P: Al-Majlis al-Aa’la di al-Syuun al-Islamiyyah, 1975), 427

⁶⁰ Al-Tuwayjiri, *Mawsū’ah fiqh al-Qulūb*, 2:1351

⁶¹ Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), *Terjemahan al-Quran versi al-Bayan*, 191

adalah tabiatnya. Acuan manusia kemudiannya telah disempurnakan dan sifat-sifat kemanusiaan dan kehaiwanan menjadi sama ketika nafsu muncul setelah baligh. Justeru, Allah mewajibkan kepada mereka pena taklif dan mengharamkan hati daripada mengikuti nafsu, memerintahkannya untuk memeranginya dan melarangnya tawaf di sisi Kaabah supaya Kaabah hati itu tidak dicemari oleh kekotoran syirik nafsu dan sifat-sifat yang tercela.”⁶²

Ibn Ajibah pula berkata: “Rumah-rumah *hadhrah* - iaitu hati-hati yang suci - tidak boleh dimasuki oleh sesuatu yang menjadi sebab-sebab syirik, bersama dengan sesuatu yang serupa dengannya atau cenderung kepada dunia. Rumah tersebut hanya boleh dimasuki oleh sesuatu yang hanya bergantung kepada Yang Maha Hidup dan dan Yang Maha Kekal mentadbir sekalian makhlukNya. Ia juga tidak boleh dimasuki oleh najis pancaindera dunia, kekotoran dan keduniaannya. Justeru, tuannya harus lari daripada kekotoran tersebut dan menjauhkan diri daripadanya supaya tidak ada sesuatu daripada najisnya yang masuk ke dalam rumah hatinya dan dia mati sesudah hidupnya. Jika kamu takutkan kepapaan apabila melarikan diri daripadanya dan menjauhi najisnya, Allah akan memperkayakan kamu dari limpah kurnia-Nya yang ghaib jika Dia menghendaki pada waktu yang Dia kehendaki. Tidak ada sesuatu pun yang tersembunyi daripada-Nya di bumi mahupun di langit.”⁶³

Hati pada asalnya adalah suci dari segala penyakit dan lima deria manusia akan menyampaikan berita kepada hati untuk direkodkan di dalamnya. Oleh itu, seharusnya hati dijaga dan dipelihara agar terhindar daripada jalan-jalan yang membawa fitnah dan kerosakan.⁶⁴

Jika seorang muslim mengambil berat akan kesihatan dan keselamatan hatinya maka dia wajib memeliharanya dengan cara menjaga kekuatannya melalui iman dan ketaatan. Dia wajib menjaganya daripada bahaya yang memudaratkan dengan menjauhi syirik, dosa, maksiat dan larangan. Dia juga mesti membersihkan kekotoran yang merosakkan melalui taubat yang ikhlas. Dia hendaklah menyibukkan dirinya dengan semua perkara yang menambahkan iman di hati, menambahkannya ilmu yang

⁶² Al-Burūsawī, *Ruh al-Bayān*, 3/426

⁶³ Ibn ‘Ajībah, *Al-Bahr al-Madīd fī Tafsīr al-Qur’ān al-Majīd*, 3/67

⁶⁴ Ibn al-Jauzi, Jamaluddin Abu al-Faraj Abdul Rahman bin Ali, *Zammu al-Hawa*, 63

bermanfaat, amal soleh dan panggilan kepada Allah. semua itu adalah makanan berkhasiat untuk membina integriti diri.⁶⁵

Pembersihan hati berkait dengan pendidikan integriti individu:

Berdasarkan kepada hasil dapatan di atas, jelas bahawa pembersihan dan pemeliharaan hati daripada dikuasai oleh hawa nafsu sangat penting dalam membina keperibadian diri. Elemen pembersihan hati ini perlu dimasukkan dalam pendidikan integriti individu yang bertujuan untuk menghasilkan himpunan kualiti unggul dalam keperibadian diri individu.

Justeru, pendidikan integriti individu mesti bermula dengan pembersihan hati kerana setiap tindakan dan pergerakan yang dilakukan oleh anggota badan adalah berdasarkan kepada perintah hati. Allah SWT telah menjadikan hati sebagai raja kepada semua anggota badan. Setiap perlakuan dan pergerakan yang dilakukan oleh anggota tubuh adalah kerana melaksanakan perintah hati. Ia adalah tempat kehendak dan penetapan keputusan. Semua anggota mesti melaksanakan arahnya. Sabda Rasulullah SAW:

ألا وإن في الجسد مضغة إذا صلحت صلح الجسد كله، وإذا فسدت فسد الجسد كله، ألا وهي القلب

Maksudnya: Ketahuilah bahawa sesungguhnya dalam jasad manusia ada seketul daging. Jika ia baik maka akan baiklah seluruh anggota dan jika ia rosak maka akan rosaklah seluruh anggota. Ia tidak lain dan tidak bukan adalah hati.⁶⁶

Setiap keputusan dan arahan yang keluar daripada hati kepada anggota badan akan diterjemah sebagai kemenangan cinta kepada Allah atau hawa nafsu. Pengakhiran pertembungan antara iman dan hawa nafsu akan akan menentukan penetapan keputusan dan arahan yang dibuat. Jika iman yang menang maka anggota badan akan mengikut arahnya dalam perkara ketaatan dan ibadat. Ada pun jika nafsu yang menang dalam peperangan ini maka keputusan yang diambil adalah berpihak kepadanya. Justeru, anggota

⁶⁵ Al-Tuwayjiri, *Mawsū'ah fiqh al-Qulūb*, 2/1322

⁶⁶ Muslim bin al-Hajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut: Dar al-Ihyā' al-Turāth al-'Arabī), 3:1219

badan akan disuruh melakukan perkara yang bertepatan dengan kehendaknya.⁶⁷

Oleh kerana itu, pembersihan hati sangat penting dalam pendidikan integriti individu kerana hati yang suci yang dipengaruhi oleh iman dan ketakwaan akan menghasilkan individu berkualiti unggul yang berpegang teguh kepada kejujuran dan bermoral tinggi.

4. Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti aspek pembersihan hati dalam tafsir Sufi *Isharī* berkaitan pendidikan integriti individu bagi menangani masalah rasuah. Aspek pembersihan hati adalah intipati kepada pembentukan keperibadian yang mulia. Oleh kerana itu elemen pembersihan hati ini perlu dimasukkan dalam pendidikan integriti individu yang bertujuan untuk menghasilkan himpunan kualiti unggul dalam keperibadian diri. Pendidikan integriti individu mesti bermula dengan pembersihan hati kerana setiap tindakan dan pergerakan yang dilakukan oleh anggota badan adalah berdasarkan kepada perintah hati. jika ia dikuasai oleh hawa nafsu maka ia adalah hati yang rosak dan sangat sukar untuk diubah. Ia akan menatijahkan seseorang memiliki keperibadian yang buruk dan hilang integriti.

Penemuan dapatan kajian ini sangat penting dalam pendidikan integriti individu. Penekanan kepada aspek pembersihan hati akan memberi kesan yang baik dalam pembinaan keperibadian dan akhlak yang mulia, khususnya dalam usaha kerajaan memerangi amalan rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

⁶⁷ Majdī al-Hilālī, *Al-Imān Awwalan*, 22

Bibliography

- Al-Quran al-Karim
- Abdullah, Iskandar Hasan Tan, dan Mohd Ridhuan Tee Abdullah. "Reassessment of Malaysia National Integrity Plan in Combating Corruption." *Journal of Applied Environmental and Biological Sciences*, 6(6S) (2016): 17–23.
- Ajzen, Icek. "The Theory of Planned Behavior." In *Handbook of Theories of Social Psychology*. New York: Lawrence Erlbaum, 2012.
- Al-'Abid, Aḥmad et al. *Al-Mu'jam al-'Arab al-Asasī*. Tunisia: Al-Munazzamah al-'Arabīyah lil-Tarbiyah wa al-Thaqāfah, n.d.
- Al-Burūsawī, Ismā'īl Ḥaqqī. *Tafsīr Rūḥ al-Bayān*. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth, 2001.
- Al-Dhahabī, Muḥammad Ḥasan. *Al-Tafsīr wa al-Mufasssīrūn*. Cairo: Dār al-Kutub al-Ḥadīthah, 1976.
- Al-Jurjānī, 'Alī ibn Muḥammad. *Al-Ta'ārīfāt*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1983.
- Al-Naisābūrī, al-Ḥasan ibn Muḥammad. *Gharā'ib al-Qur'ān wa Raghā'ib al-Qur'ān*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1416H.
- Al-Qushairī, 'Abd al-Karīm. *Laṭā'if al-Ishārāt*. Cairo: al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah lil-Kitāb, 1981.
- Al-Shaṭībī, Ibrāhīm. *Al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*. Cairo: Maktabah al-Tawfīqiyyah, 2003.
- Al-Taftazānī, Mas'ūd. *Sharḥ al-'Aqā'id al-Nasafiyyah*. Cairo: Maktabah al-Azhar li al-Turāth, 2000.
- Al-Tustarī, Sahl. *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*. Cairo: Dār al-Ḥaram li al-Turāth, 2004.
- Al-Tuwaijirī, Muḥammad ibn Ibrāhīm. *Mawsū'ah Fiqh al-Qulūb*. Riyadh: Bait al-Afkār al-Duwaliyyah, n.d.
- Atan, Ruhaya, Mahmudul Md. Alam, dan Jamaliah Said. "Practices of Corporate Integrity and Accountability of Non-Profit Organizations in Malaysia." *International Journal of Social Economics*, 44(12) (2017): 2271–2286.
- Ballentine, J. A., Larres, P. M., dan M. Mulgrew. "Determinants of Academic Cheating Behaviour..." *Accounting Forum*, 38 (2014): 55–66.
- Hagger, M. S. "The Reasoned Action Approach..." *Oxford Bibliographies in Psychology*. New York: Oxford University Press, 2019.
- Hashim, Mahyuddin. *Al-Fikr al-Ṣūfī bayna al-Shaṭībī wa Ibn Khaldūn*. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM, 2012.
- Hashim, Mahyuddin. "Mauqif al-Shaṭībī min al-Tafsīr al-Ishārī." *Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 6 (2010): 45–82.
- Hashim, Mahyuddin. "Tafsir Sufi Ishari and its Comparison..." *Ulum Islamiyyah*, 27 (2019): 53–65.

- Hashim, Mahyuddin, Abdul Rahman Obeid, dan Adnan Mohamed Yusoff. "At-Tafsir al-Sufi al-Ishari fi A'māl al-Qulūb..." *Jurnal al-Turath*, 1 (2016): 94–101.
- Hashim, Mahyuddin, Abdul Rahman Obeid, dan Adnan Mohamed Yusoff. "At-Tafsir al-Sufi al-Ishari fi al-Manhaj al-'Amali..." *Jurnal al-Abqari*, 11 (2017): 211–228.
- Hashim, Mahyuddin, Adnan Mohamed Yusoff, dan Abd Rahman Hussien Obeid. "Al-Tafsir al-Sufi al-Ishari fi Bidayah al-Salikin..." *Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah*, 11(12) (2016).
- Hashim, Mahyuddin, dan Asman Taeali. "Uzlah dan Zikir dalam Tafsir Sufi Ishari al-Bahr al-Madid." *Afkar*, 24(1) (2022): 33–64.
- Hsieh, H.-F., dan Shannon, S. E. "Three Approaches to Qualitative Content Analysis." *Qualitative Health Research*, 15(9) (2005): 1277–1288.
- Ibn 'Ajbah, Ahmad. *Al-Baḥr al-Madīd fī Tafsīr al-Qur'ān al-Majīd*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2005.
- Ibn 'Arabī, Muḥammad. *Al-Futūḥāt al-Makkīyah*. Cairo: al-Hay'ah al-Miṣriyyah al-'Āmmah lil-Kitāb, 1985.
- Ismail, Muhammad. *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Cairo: Dār Tawḥīd al-Najāh, 1422H.
- Jabatan Perdana Menteri. *Pelan Antirasuah Nasional 2019–2023*. Putrajaya: Pusat Governans, Integriti dan Antirasuah Nasional, 2019.
- Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. *Ringkasan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030*. Putrajaya, 2019.
- Koonce, R. "Practice Your Own Successful Habits." *Training & Development*, 52(3) (1998): 19.
- Laurin, K., Kay, A. C., dan Fitzsimons, G. M. "Divergent Effects of Activating Thoughts of God..." *Journal of Personality and Social Psychology*, 102(1) (2012): 4–21.
- Maizatul, A. K., M. M. Alam, dan J. Said. "Empirical Assessment of Good Governance..." *Economics and Sociology*, 9(4) (2016): 289–304.
- Majdi al-Hilali. *Al-Imān Awwalan; Fakayfa Nabda' Bihi*. Cairo: Dār al-Tawzī', n.d.
- Manā' al-Qaṭṭān. *Mabāḥith fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Beirut: Mu'assasah al-Risālah, 1998.
- Megat Arifin, Megat Ayop, dan Abd. Halim Ahmad. "Kepentingan Budaya Integriti dan Etika Kerja..." *Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9) (2016): 138–149.
- Muḥammad, Muḥammad. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, n.d.
- Muḥammad Isma'īl, Sha'ban. *Dirāsāt Ḥawla al-Qur'ān wa al-Sunnah*. Cairo: Maktabah al-Nahḍah al-Miṣriyyah, 1987.
- Najm al-Dīn al-Dayyāh, Ahmad ibn 'Umar. *al-Takwīlāt al-Najmiyyah fī al-Tafsīr al-Ishārī al-Ṣūfī*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2009.
- Omar, Nik Hairi, Azmi Awang, dan Azmi Abdul Manaf. "Integriti dari Perspektif Pengaduan Awam..." *Jurnal E-Bangi*, 7(1) (2012): 141–155.

- Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). *Terjemahan al-Qur'an Versi al-Bayan*. Putrajaya, 2021.
- Randolph-Seng, B., dan Nielsen, M. E. "Honesty: One Effect of Primed Religious Representations." *International Journal for the Psychology of Religion*, 17(4) (2007): 303–315.
- Sabli, Nurshamimi et al. "Pencemaran kepada Integriti Akademik..." *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 41(1) (2016): 53–64.
- Thomas, D. R. "General Inductive Approach for Analyzing Qualitative Evaluation Data." *American Journal of Evaluation*, 27(2) (2006): 237–246.
- Wakin, M. W. *Professional Integrity*. *Airpower Journal*, 10(2) (1996).
- Wan Daud, Wan Mohd Nor. *Falsafah dan Amalan Pendidikan Islam Syed M. Naquib al-Attas*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2018.
- Widang, I., dan Fridlund, B. "Self-Respect, Dignity and Confidence..." *Journal of Advanced Nursing*, 42(1) (2003): 47.
- Zhang, Y., dan Wildermuth, B. M. "Qualitative Analysis of Content." In *Applications of Social Research Methods...* Westport, CT: Libraries Unlimited, 2009.